

# 4



## MAMPATAN DAN PENGACUANAN PINDAH

### 4.1 PENGENALAN

Proses pengacuanan mampatan adalah proses sesuatu produk dihasilkan sekali pada satu masa dengan melalui kitaran berulang mengikut jumlah pengeluaran yang ditetapkan. Proses ini melibatkan penghantaran sebatian yang mudah di bentuk ke acuan untuk menghasilkan produk tiga dimensi. Sebatian yang dimaksudkan adalah cecair yang tidak mempunyai bentuk, sejenis leburan, kepingan atau kiub. Tiga (3) asas utama dalam membentuk acuan yang perlu diketahui adalah seperti berikut:


- i) Jenis Acuan Terbuka (sama ada jantan atau betina).
- ii) Jenis Dua Separuh Acuan Jantan.
- iii) Jenis Pasangan Acuan Sepadan Betina dan Jantan.

### 4.2 PROSES PENGACUANAN MAMPATAN


Pengacuan mampatan adalah teknik pemprosesan yang menggabungkan pembentukan produk serentak bersama dengan pengawetan resin dan menggunakan tekanan serta pemanasan pada suhu tertentu. Pengacuanan dijalankan dengan meletakkan sejumlah bahan mentah plastik (bahan pra-timbang) yang ditimbang ke (acuan betina) yang telah dipanaskan. Kemudian, bahagian atas acuan (acuan jantan) tersebut akan dibawa ke bawah untuk menutup acuan dengan mengenakan tekanan (Rujuk Rajah 4.1). Dengan haba dan tekanan, bahan akan melembut dan mengalir keluar melalui himpitan

aliran untuk mengisi rongga acuan. Terdapat tiga (3) jenis tutupan acuan iaitu (Rujuk Rajah 4.2):

- i) Jenis Lebihan.
- ii) Jenis Positif.
- iii) Jenis Semi-Positif.



Rajah 4.1: Kitaran Proses Pengacuan Mampatan.



Rajah 4.2: Tiga (3) Jenis Tutupan Acuan.